Minggu Saham Amanah di Kedah April ini

UM 31 JAN 2002

ALOR SETAR 30 Jan. — Minggu Saham Amanah Malaysia yang merupakan acara tahunan Permodalan Nasional Bhd. (PNB) akan diadakan di negeri ini, April nanti, kata Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah.

Katanya, program yang bertujuan meningkatkan lagi pengetahuan orang ramai tentang pelaburan dalam saham amanah dan mempromosikan produk-produk PNB akan diadakan pada 20 April di Stadium Darulaman.

Katanya, tarikh tersebut telah dipilih oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai tanda mengingati mulanya operasi Amanah Saham Nasional (ASN) pada tahun 1981.

"Banyak program menarik akan diadakan sempena Minggu Saham Amanah Malaysia antaranya ialah Peraduan Menulis Esei, mewarna bersama Along, program sukan rakyat serta pelbagai lagi yang bertujuan memberi pengetahuan lebih mendalam tentang pelaburan dalam amanah saham," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Sambutan Tahun Baru Bersama PNB di sini malam tadi.

Potongan

Hamad memberitahu, Kedah kini tersenarai sebagai negeri ketujuh yang memiliki pelabur terbanyak di Malaysia iaitu lebih daripada 595,000 orang dengan dana sebanyak RM2.2 bilion.

"Kota Setar pula adalah daerah yang mencatat jumlah pelabur PNB tertinggi di negeri ini iaitu lebih daripada 155,000 orang dengan pelaburan sebanyak RM783.1 juta, diikuti dengan Kuala Muda yang memiliki lebih daripada 76,0000 pelabur PNB dan dananya berjumlah RM350 juta.

Kubang Pasu pula mencatat seramai lebih daripada 47,000 pelabur PNB dengan jumlah pelaburan sebanyak RM212 juta.

Tambah beliau, sebanyak 120 majikan di negeri ini terlibat dalam skim potongan gaji PNB yang mana Sharp Roxy Corporation merupakan syarikat yang memiliki pelabur terbanyak menyertai skim potongan gaji iaitu membabitkan 834 orang dengan jumlah pelaburannya lebih daripada RM70,000.

Selain itu, Hamad berkata antara perancangan terbaru PNB pada tahun 2002 ialah mengadakan program celik pelaburan dan taklimat mengenai perancangan kewangan.

"Orang ramai di negara ini masih tidak terdedah dengan pengetahuan dan kesedaran mengenai betapa pentingnya perancangan kewangan berbanding masyarakat luar negara seperti Amerika Syarikat.

"Sehubungan itu, adalah menjadi tugas kami selain memberi penerangan mengenai pelaburan dalam saham amanah, kami juga akan turut menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai perancangan kewangan ini," ujarnya.